

PRAKATA Pengerusi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Segala puji-pujian dipanjatkan ke hadrat Allah SWT dan Rasul-Nya, Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga, para sahabat dan pengikut baginda.

Bank Negara Malaysia sentiasa berada di barisan hadapan dalam usaha murni negara untuk memberikan sokongan dinamik dan serba maju kepada industri kewangan Islam. Selaras dengan minat yang semakin mendalam terhadap kewangan Islam di seluruh dunia, baik dalam kalangan mereka yang beragama Islam mahupun yang bukan beragama Islam, Bank Negara Malaysia telah mengambil beberapa langkah utama untuk menggalakkan pengembangan ilmu pengetahuan dan pemahaman mengenai kewangan Islam bagi memenuhi permintaan industri ini yang semakin bertambah. Salah satu usaha tersebut, dengan izin Allah SWT, ialah penerbitan buku *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam (Edisi Kedua)* oleh Bank Negara Malaysia.

Buku ini merupakan kompilasi ilmiah resolusi yang terhasil daripada siri mesyuarat Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia sepanjang tahun 1997-2009. Buku ini dijangka dapat membantu usaha memperkaya korpus ilmu pengetahuan dalam bidang kewangan Islam, dan akan menjadi asas kepada industri kewangan Islam dalam pembangunan dan penambahbaikan produk.

Kompilasi yang berasaskan fatwa ini merupakan manifestasi *Ijtihad* secara bersama oleh barisan cendekiawan yang menjadi penasihat kepada Bank Negara Malaysia berhubung dengan perkara-perkara Syariah yang berkaitan dengan kewangan Islam. *Ijtihad* secara bersama ini merupakan fenomena baharu dalam undang-undang Islam sejak abad ke-20 dan ternyata lebih ketara dalam industri kewangan Islam melalui amalan khidmat nasihat Syariah. Kompilasi fatwa atau resolusi ini menjadi lebih relevan dalam konteks Malaysia memandangkan resolusi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia ini adalah mengikat ke atas semua institusi perbankan Islam, syarikat takaful, mahkamah dan penimbang tara. Manfaat daripada kompilasi ini akan menjadi lebih bermakna apabila resolusi ini dianalisis dalam skop perbincangan bidang kuasa perundangan Islam dan *Ijtihad* dalam falsafah Islam, khususnya *Ijtihad* secara bersama.

Saya berharap agar kompilasi yang terkandung dalam buku ini akan dapat memenuhi matlamat penerbitannya.

Wassalam.



Dr. Mohd Daud Bakar

Pengerusi

Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia

2006 – 2010